

19 APR 1996

Mahathir-Bosnia

M'SIA SEDIA KONGSI PENGALAMAN PEMBANGUNAN SEMULA MASYARAKAT DENGAN BOSNIA

Oleh: Mokhtar Husain

SARAJEVO, 19 April (Bernama) -- Malaysia, yang mendukungi idealisme masyarakat pelbagai kaum, bersedia berkongsi pengalamannya dalam pembinaan semula institusi dan masyarakat sebagai sebahagian daripada bantuannya untuk pembangunan semula Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembinaan semula institusi dan masyarakat boleh menjadi komponen yang penting dalam proses pemulihan dan pembangunan ekonomi Persekutuan Bosnia dan Herzegovina yang baru.

Beliau berkata Malaysia, yang juga mempunyai sistem kerajaan persekutuan, mendukungi idealisme masyarakat berbilang kaum seperti juga Bosnia-Herzegovina.

"Kami juga bersedia berkongsi kepakaran dan melatih kakitangan teknikal dan pentadbiran Bosnia dalam kemahiran mengenai pembangunan negara, yang mungkin kekurangan di Bosnia-Herzegovina sekarang," katanya pada Mesyuarat Perniagaan Bosnia-Herzegovina-Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan satu rombongan terdiri daripada ketua-ketua 14 syarikat Malaysia, adalah dalam rangka lawatan ke tiga negara Balkan bertujuan menggalakkan perhubungan perdagangan dan juga pembinaan semula negara bekas Yugoslavia itu.

Beliau memulakan lawatan itu di Zagreb, Croatia semalam dan dijadualkan ke Skopje, Macedonia esok sebelum menamatkan lawatannya.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan juga dapat berkongsi pengalamannya dalam penswastan, pelaburan luar dan perancangan pembangunan ekonomi melalui pertukaran pegawai-pegawai kanan dan menempatkan mereka di pelbagai agensi-agensi latihan di Malaysia.

"Malaysia mahu memberi lebih daripada janji simbolik dan menyumbang secara ikhlas kepada pembangunan semula Bosnia-Herzegovina dalam bidang-bidang kepakaran dan keupayaan kami.

"Adalah menjadi hasrat kami, selain bantuan kemanusiaan, untuk menumpu kepada bidang-bidang pembangunan sosial yang praktikal yang segera boleh meringankan penderitaan rakyat Bosnia-Herzegovina dan membuat persediaan untuk pemulihan ekonomi yang berterusan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia akan memberi tumpuan kepada perumahan dan pemulihan industri kerana ia mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang ini.

Dr Mahathir berkata dianggarkan 65 peratus daripada keupayaan industri di Bosnia telah musnah mengakibatkan kekurangan keperluan asas seperti makanan, pakaian, perubatan dan bahan-bahan bina.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menggesa sektor swasta Malaysia supaya menerokai kemungkinan menubuhkan depot-depot di Bosnia-Herzegovina untuk mengedarkan bahan-bahan keperluan.

Perdana Menteri juga mencadangkan masyarakat perniagaan Malaysia supaya mengambil bahagian dalam pemulihan sektor-sektor pengilangan dan perlombongan di Bosnia-Herzegovina yang menyumbang kira-kira 50 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara itu.

Beliau berkata industri-industri yang telah dikenalpasti oleh kerajaan Bosnia-Herzegovina untuk pemulihan ialah barangan berasaskan kayu, barangan logam, industri berasaskan pertanian, tekstil, bahan pembinaan, kasut, kimia, otomobil dan permaidani.

Beliau berharap syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai pengalaman mengendali agensi kerajaan yang diswastakan supaya merebut peluang jika

kerajaan Bosnia membuat keputusan menawarkan kerja-kerja pembinaan semula ini kepada syarikat-syarikat swasta.

"Memandangkan terdapat kekurangan sumber dan pembinaan semula perlu disegerakan, kemungkinan kerja-kerja pembinaan semula ini akhirnya didahului oleh sektor swasta," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyifatkan hubungan antara rakyat Bosnia dan Malaysia sebagai sangat istimewa.

"Malaysia mungkin jauh dari Bosnia tetapi kami tidak dapat mengelak daripada merasa simpati dengan keberanian rakyat Bosnia dalam menempuhi dugaan, terutama sekali semasa dunia tidak memberi hak kepada mereka untuk mempertahankan diri.

"Dengan persamaan agaman mungkin menjadi faktor, ketidakadilan yang ketara juga menyedihkan kami. Dengan itu, kami menghulur tangan persahabatan kerana kami memahami kesusahan yang anda hadapi.

"Sekarang tibalah masanya untuk membina semula negara anda dan kami ingin memberi bantuan," kata Perdana Menteri.

Sebelum itu, Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara Energoinvest dan Revolutionary Technology Holdings Sdn Bhd dan antara Telekom Malaysia Berhad dan Public Enterprise PTT dari Bosnia-Herzegovina.

Kemudian Dr Mahathir dilantik sebagai Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia/Bosnia-Herzegovina.

Majlis itu dibentuk pada 11 April lepas berikutan perjanjian antara Presiden Dewan Ekonomi Bosnia-Herzegovina Mensur Smajlovic dan Pengerusi Kumpulan SAL Malaysia Abdul Rashid Abdul Ghani. -- BERNAMA

MOK WAT NAK